

Perubahan Bentuk Leksikal Melayu berdasarkan Kosa Kata dalam *A Malay Manual* (Bahagian 1)

Bahasa yang digunakan oleh manusia sentiasa berubah. Perubahan tersebut berlaku dari segi nahu, etik dan fonologi, semantik dan juga leksikon atau kosa kata. Perubahan tersebut merupakan suatu yang alamiah atau yang tidak dapat dielakkan. Oleh sebab itu semua bahasa hidup tertakluk kepada perubahan secara semula jadi. Trask (2007) dalam *Language Change: Progress or Decay* berpendapat bahawa mustahil bagi sesuatu bahasa yang hidup untuk mengelakkan diri daripada perubahan. Bahasa Melayu pun turut mengalami perubahan seperti bahasa-bahasa lain di dunia. Teo (1997) menjelaskan bahawa agak sukar bagi sesuatu bahasa yang hidup untuk kekal seperti keadaan bahasa-bahasa lain tanpa berubah langsung. Crystal (1993) dalam *The Cambridge Encyclopaedia of Language* mendefinisikan perubahan bahasa

sebagai perubahan yang berlaku dalam peredaran masa. Menurut *encyclopaedia.com* pula, perubahan bahasa ialah modifikasi bentuk-bentuk bahasa dalam peredaran masa. Perubahan bahasa juga dapat diertikan sebagai fenomena perubahan terhadap sebutan, leksis, semantik dan sintaksis secara kekal dalam penggunaan bahasa tertentu dalam peredaran masa. Lyle Campell dan Mauricio J. Mixco (2007) dalam *Glossary of Historical Linguistics* menjelaskan bahawa perubahan bahasa merujuk sebarang perubahan, pengubahan atau inovasi yang berlaku dalam bahasa.

Cabang linguistik yang memberikan tumpuan terhadap perubahan bahasa ialah ilmu linguistik sejarawi atau linguistik diakronik. Nathesan (2015) dalam *Etimologi Bahasa Melayu* berpendapat bahawa ranah utama dalam linguistik sejarah ialah perubahan bahasa dari aspek diakronik. Oleh sebab itu, perubahan bahasa memang

termasuk dalam kajian linguistik diakronik. Perubahan merupakan tumpuan asas dalam linguistik sejarawi (Jeffers dan Lehiste (1979) dalam *Principles and Methods for Historical Linguistics*). Trask (1998) dalam *Key Concepts in Language and Linguistics* menerangkan bidang linguistik sejarawi sebagai kajian tentang perubahan bahasa dan kesan-kesannya. Hal perubahan bahasa juga turut dikaji dalam bidang-bidang lain, termasuk dalam ilmu etimologi, sosiolinguistik, leksikologi, serta fonetik dan fonologi.

Pendekatan Kajian


Kamus Linguistik (1997) menjelaskan linguistik sejarawi sebagai pendekatan atau kaedah yang digunakan dalam cabang linguistik untuk mengkaji perubahan jangka pendek atau jangka panjang dalam sistem bunyi, tatabahasa dan kosa kata suatu bahasa. Dalam kajian linguistik sejarawi ini,

kaedah perbandingan atau kaedah komparatif yang sering digunakan dalam kajian linguistik dimanfaatkan. Kaedah perbandingan atau kaedah rekonstruksi didefinisikan sebagai kaedah utama untuk melihat perubahan bentuk fonetik perkataan (Trask, 2007), manakala Bybee (2015) dalam *Language Change* menjelaskan kaedah tersebut sebagai cara meneliti perkataan daripada dua atau lebih bahasa dan kemudian melihat perkaitan antaranya. Menurut Winfred P. Lehmann (1992) dalam *Historical Linguistics*, kaedah perbandingan merupakan antara dua kaedah penting yang digunakan untuk meneliti data yang dikumpulkan dalam kajian linguistik sejarawi.

Untuk kajian ini, kaedah perbandingan yang lazim digunakan dalam linguistik sejarawi telah disesuaikan pendekatannya untuk melihat perubahan bentuk leksikal atau perkataan dalam korpus yang dikaji. Perbandingan pula dibuat antara perkataan daripada bahasa sama, iaitu bahasa Melayu yang digunakan pada tiga waktu yang berbeza dengan menggunakan pendekatan diakronik. Tiga waktu, iaitu tahun 1914, 1965 dan 2015 telah diambil kira untuk melihat perubahan bentuk, iaitu selang masa kira-kira 50 tahun. Penetapan waktu ini dibuat secara rawak, dan tiga waktu yang dipilih diharapkan akan dapat menunjukkan perubahan bentuk perkataan dengan jelas dan secara distingtif.

Latar Belakang *A Malay Manual*

Umumnya, manual dapat difahami sebagai sebuah buku yang memuatkan peraturan atau asas maklumat untuk mempelajari




Rajah 1 Halaman judul penuh buku *A Malay Manual* (1914).

sesuatu subjek. Ringkasnya, buku panduan atau *handbook*. Manual yang berjudul *A Malay Manual*, berjumlah 114 muka surat dan disusun kira-kira 100 tahun dahulu oleh J.H. Freese. Memandangkan maklumat dalam manual ini amat berguna untuk kajian bahasa, buku tersebut sudah dicetak semula pada tahun 2013 untuk tatapan pengkaji bahasa sekarang.

Antara kandungan manual ini termasuklah huraian tentang abjad, sebutan, peraturan fonetik, maklumat nahu ringkas yang mencakupi latihan bacaan serta kompilasi perbendaharaan kata Inggeris dan padanannya dalam bahasa Melayu yang digunakan pada awal abad ke-19. Kosa kata yang tercatat dalam bahagian *Vocabularies* atau Perbendaharaan Kata *MM* terdiri daripada 2500 hingga 3000 patah perkataan.

Dalam mukadimah buku tersebut, Freese turut menjelaskan beberapa perkara. Pertama, buku ini disesuaikan daripada buku Jerman, *Praktische Grammatik*



Rajah 2 Kulit buku *A Malay Manual* (2013).

der malayischen Sprache (Practical Grammar of the Malay Language). Namun, beberapa pengubahsuaian telah dilakukan apabila buku ini disusun. Selain itu, kompilasi ini merupakan buku yang tersendiri, iaitu tidak disadurkan terus daripada mana-mana sumber lain. Kebanyakan kata Inggeris dalam kompilasi ini tidak diubah daripada versi asal, dan kata yang digunakan merupakan kata yang difahami oleh masyarakat Inggeris di seluruh Negeri-negeri Selat. Manual ini disusun untuk membekalkan maklumat pengenalan tentang bahasa Melayu kepada orang Inggeris yang tidak mengetahui bahasa ini secara langsung.

Ketika kosa kata Melayu disusun dalam manual tersebut, beberapa buah kamus yang terdapat pada masa itu telah dirujuk, termasuk kamus susunan Shellabear, Swettenham, Crawford dan Maxwell. Dalam mukadimah ini juga dijelaskan bahawa kosa kata Melayu dalam *A Malay*

* Language - General
* pg = 12 - 15

annual amat dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit, Arab dan bahasa-bahasa Eropah, khususnya bahasa Inggeris.

Jujuan Kajian

alam kajian ini, perubahan kosa kata dikaji berdasarkan kosa kata yang dikutip daripada *A Malay Manual (MM)*. Menurut Robert Parani (2000), perubahan bahasa yang lebih menonjol adalah dalam aspek leksikon berbanding dengan aspek linguistik lain. Demikian juga Bybee (2015) yang berpendapat bahawa perubahan perkataan atau leksikal ialah perubahan yang paling ketara dalam bahasa. Darwis Harahap (1995) pula menjelaskan bahawa dalam bahasa terdapat dua perubahan umum yang berlaku, iaitu perubahan perkataan dan perubahan bentuk.

Seperti yang dijelaskan pada awal, perbincangan tentang perubahan bentuk perkataan dalam kosa kata ini akan dilakukan secara diakronik. Justeru, perubahan bentuk kosa kata bahasa Melayu akan dilihat dari segi peredaran masa, iaitu dari tahun 1914 hinggalah 2016.

Untuk melihat perubahan perkembangan bentuk kosa kata dalam peredaran masa pula, terdapat dua dokumen lagi, iaitu *Unabridged English-Malay Dictionary*, susunan R.O.Winstedt (1965) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016). Kedua-dua kamus tersebut diteliti untuk menjejaki mengenal pasti perubahan bentuk yang dialami oleh perkataan yang terpilih daripada *MM*. Selang masa antara ketiga-tiga dokumen ini dengan jelas nyata akan memperlihatkan perubahan bentuk, iaitu perubahan perkataan serta perubahan leksikal atau penggantian leksikal, iaitu perkataan baharu yang

Seperti yang dijelaskan pada awal, perbincangan tentang perubahan bentuk perkataan dalam kosa kata ini akan dilakukan secara diakronik. Justeru, perubahan bentuk kosa kata bahasa Melayu akan dilihat dari segi peredaran masa, iaitu dari tahun 1914 hinggalah 2016.

digunakan untuk menggantikan perkataan lama.

Korpus Kajian

Untuk kajian ini, sebanyak 120 perkataan yang dipilih daripada *MM* diteliti perubahan bentuk yang berlaku terhadap kata-kata tersebut dalam peredaran masa, iaitu kira-kira 100 tahun. Pemilihannya dibuat secara rawak, tetapi kosa kata tersebut telah disusun mengikut urutan abjad, iaitu secara kronologi. Kemudian, perubahan kosa kata diteliti dari segi bentuk perkataan tersebut. Untuk membandingkan bentuk perubahan perkataan, sama ada berlaku perubahan ejaan atau penggantian leksikal dengan

bentuk baharu dalam masa 100 tahun, dua buah kamus telah dirujuk. Pertama, kamus terkini, iaitu *Kamus Dewan (KD)* (2015), dan kedua, sebuah kamus lama, *An Abridged English-Malay Dictionary (KW)* (1965).

Kebanyakan kosa kata yang dipilih merupakan kata nama, walaupun ada juga sebilangan kata adjektif, kata kerja dan kata tugas dalam korpus kajian. Ada juga sebilangan kosa katanya yang terdiri daripada rangkai kata. Kata yang dipilih termasuklah nama tempat, haiwan, perabot, perkakas, pakaian, anggota badan, negara, penyakit, alam semesta dan keluarga, iaitu hal-hal yang umum dalam masyarakat Melayu.

Perhatikan antara beberapa contoh perkataan yang dipetik daripada *MM* (bahasa Inggeris dan padanannya dalam bahasa Melayu) dalam Jadual 1 di bawah.

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1, sebilangan besar kosa kata *MM* terdiri daripada golongan kata nama, yang kebanyakan terdiri daripada kata nama am. Antaranya termasuk kata *baju*, *senduk*, *jambatan*, *gedung* dan *pahala*. Sebilangan kata yang digunakan dalam *MM* merupakan kata arkaik, iaitu kata yang tidak lazim atau yang jarang-jarang

digunakan dalam pertuturan atau tulisan hari ini. Antaranya termasuk kata *kauci*, *kepala susu*, *sarung surat*, *kereta lereng* dan *kalimah* yang sudah diganti dengan *sofa*, *krim*, *sampul surat*, *basikal* dan *ayat*. Umpamanya, kata arkaik *kereta lereng* suatu ketika dahulu menjadi padanan bagi kata *bicycle* apabila gagasan ini diperkenalkan oleh Inggeris. Walau bagaimanapun, dalam peredaran masa, kata *basikal* menjadi lebih kekal berbanding dengan *kereta lereng*.

Jadual 1 Kosa kata Melayu dalam *A Malay Manual (MM)*.

| Kata Sumber (Bahasa Inggeris) | Kata Padanan (Bahasa Melayu) |
|-------------------------------|------------------------------|
| <i>button</i> | kancing |
| <i>ceiling</i> | langit-langit |
| <i>chemist</i> | tukang ubat |
| <i>cream</i> | kepala susu |
| <i>dessert</i> | buah-buahan |
| <i>glue</i> | <i>perkat</i> |
| <i>invoice</i> | surat barang |
| <i>lungs</i> | <i>paru-parau</i> |
| <i>jacket</i> | baju |
| <i>juice</i> | air |
| <i>madam</i> | mem |
| <i>meanwhile</i> | dalam antara itu |
| <i>miss</i> | missi |
| <i>neighbour</i> | orang sakampung |
| <i>parcel</i> | bungkus |
| <i>pastry</i> | <i>kweh</i> (kuih) |
| <i>perfume</i> | bau-bauan |
| <i>porridge</i> | suji |
| <i>quay</i> | bagan |
| <i>reward</i> | pahala |
| <i>senry</i> | orang jaga |
| <i>sofa</i> | kauci |
| <i>spoon</i> | sendok |
| <i>suburbs</i> | <i>kampung luar kota</i> |
| <i>tenant</i> | yang menyewa |

Ada juga kata yang terdiri daripada bahasa percakapan seperti *mem* dan *missi*. Pada masa dahulu, kedua-dua kata tersebut amat lumrah digunakan oleh masyarakat Melayu kerana dipengaruhi oleh bahasa Inggeris. Dahulu, kata *mem* dan *missi* dijadikan padanan bagi kata *madam* dan *miss*. Kini, kata *puan* dan *cik* merupakan kata baku yang menjadi padanan bagi kedua-dua kata tersebut.

Ada perkataan yang digunakan tidak difahami sekarang kerana tidak terdapat perkataan sedemikian dalam bahasa Melayu, seperti *kauci*, *gurg* dan *kwelu*. Perkataan tersebut juga tidak ditemui dalam *KD* ataupun dalam kamus-kamus Melayu yang lain. Terdapat juga beberapa rangkai kata yang digunakan untuk menerangkan sebilangan konsep dalam bahasa Melayu pada waktu itu, seperti yang *menyewa*, *kampung luar kota*, *dalam antara itu* dan *bumi dan langit*. Rangkai kata seumpama ini kini sudah diringkaskan menjadi kata yang lebih persis, seperti *penyewa* yang menggantikan rangkai kata yang *menyewa*.

Selain itu, didapati kebanyakan kata yang tercatat dalam senarai *MM* ini, kini sudah berubah bentuk dalam bahasa Melayu, sama ada sudah mengalami perubahan leksikal, iaitu dengan penggantian dengan perkataan lain ataupun perubahan atau penyesuaian ejaan. Misalnya, *kwelu* (*hare*) sudah digantikan dengan kata *arnab*, dan tukang ubat (*chemist*) dengan ahli kimia. Kata *paru-parau* (*lungs*) berubah ejaan menjadi *paru-paru* dan *sendok* menjadi *senduk*. Hal perubahan bentuk perkataan dalam *MM* dalam peredaran masa, iaitu antara tahun 1914, 1965 dan 2015 akan dibincangkan lebih lanjut dalam bahagian yang berikutnya. DB